

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 6 JUN 2023, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 3

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

1. PR-1522-MQT2273

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan ke atas gesaan Menteri Besar Kedah, bahawa Perlembagaan Persekutuan dipinda untuk padamkan Pulau Pinang agar boleh dikembalikan kepada Kedah, yang telah memecah-belahkan perpaduan rakyat khususnya menimbulkan keresahan di kalangan penduduk negeri Pulau Pinang serta mengancam keharmonian dan keselamatan dalam negara.

2. PR-1522-MQT2261

Dr. Radzi Jidin [Putrajaya] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kesan kejatuhan nilai Ringgit kepada proses pemulihan ekonomi negara dan apakah pendekatan yang akan digunakan untuk mengukuhkan nilai Ringgit.

3. PR-1522-MQT2252

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa syarat permohonan menyewa rumah PPR Dewan Bandaraya Kuala Lumpur terlalu ketat menyebabkan pemohon bujang yang terpaksa menanggung ibubapa dan adik beradik OKU atau sakit dan isteri bukan warganegara tetapi ada anak-anak bertaraf warganegara, tidak layak memohon baru atau penukaran nama pemohon setelah pemohon asal meninggal dunia. Berapakah jumlah kes sedemikian dan bagaimana tindakan penyelesaiannya.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 6 JUN 2023, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 36

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1522-L19994
Tuan Mordi Bimol [Mas Gading] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status terkini berserta tempoh jangka siap pembinaan Projek Lebuhraya Pan Borneo di Sabah dan Sarawak. Apakah komitmen Kerajaan bagi mengurangkan kes kemalangan yang berlaku di sepanjang laluan pembinaan tersebut.

2. PR-1522-L20805
Tuan Roslan bin Hashim [Kulim Bandar Baharu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apa langkah yang diambil oleh Kementerian terhadap pengukuhan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dan Pentaksiran Berasaskan Darjah (PBD), yakni susulan pemansuhan PT3 termasuk kualiti aktiviti pembelajaran yang dilaksanakan.

3. PR-1522-L20900
Tuan Roy Angau anak Gingkoi [Lubok Antu] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah syarat dan kriteria pembinaan balai bomba dan penyelamat di kawasan luar bandar dan pedalaman serta inisiatif Kementerian dalam membendung insiden kebakaran di rumah-rumah panjang yang semakin kerap berlaku di Sarawak.

4. PR-1522-L20287

Tuan Mohd Nazri bin Abu Hassan [Merbok] minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan Indeks Perpaduan Nasional Negara dan apakah situasi perpaduan negara pada masa ini. Apakah jenis program yang efektif, yang telah dirancang oleh Kementerian untuk mengeratkan lagi perpaduan, persefahaman dan penerimaan rakyat negara ini yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama.

5. PR-1522-L20160

Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun [Port Dickson] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah status terkini kamera AES dan berapa jumlah yang masih beroperasi dan adakah sebarang kajian terkini keberkesanan penggunaan kamera AES.

6. PR-1522-L20455

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi [Kuala Langat] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) berapa anggaran implikasi kewangan projek rintis Klinik Kesihatan Bandar Botanik; dan
- (b) maklumat lengkap masa menunggu di klinik, jumlah pesakit dan kakitangan yang terlibat.

7. PR-1522-L19527

Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [Kuala Pilah] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berapa jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan sepanjang program latihan persediaan atlet-atlet sebagai persiapan ke Sukan SEA Kemboja 2023.

8. PR-1522-L20939

Dr. Abd Ghani bin Ahmad [Jerlun] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah segera dan strategi yang berkesan dalam membantu warga emas yang lebih suka tinggal bersendirian di rumah berbanding tinggal bersama ahli keluarga atau di Pusat Jagaan Warga Emas di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) pada aspek keselamatan, rawatan kesihatan dan kewangan agar diri mereka sentiasa terkawal.

9. PR-1522-L20282
Tuan Chow Yu Hui [Raub] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan atau National Professional Qualification for Educational Leaders (NPQEL) mengikut aliran SJKC, SJKT dan Sekolah Mubarigh dari 2018 hingga 2023 dan adakah pengambilan NPQEL ini cukup untuk menyelesaikan masalah kekurangan pengetua dan guru besar.
10. PR-1522-L20541
Tuan Haji Kamal bin Ashaari [Kuala Krau] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah tindakan KKDW terutama melalui RISDA bagi membantu pekebun kecil getah seluruh negara dalam menghadapi cuaca panas yang panjang di negara yang akan mengurangkan produktiviti tanaman getah.
11. PR-1522-L20556
Tuan Lee Chean Chung [Petaling Jaya] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan tentang perincian faktor dan piawaian yang diambil kira untuk penyaluran peruntukan kepada Jabatan Kerja Raya di setiap daerah berikutan terdapat isu-isu kekurangan dana untuk melaksanakan projek penyelenggaraan dan penaiktarafan jalan, serta adakah penyelenggaraan melalui Roadcare akan disemak semula bagi menjimatkan kos.
12. PR-1522-L19632
Kapten Dato' Dr. Zulkafperi bin Hanapi (Bersara) [Tanjung Karang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan isu lambakan Doktor dan apakah tindakan kementerian dan kerajaan MADANI mengenainya.
13. PR-1522-L19797
Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah sudah terdapat mana-mana syarikat yang dikenal pasti boleh menyeimbangkan fungsi Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (PUSPAKOM) dalam usaha untuk menghapuskan monopoli syarikat ini.
14. PR-1522-L20414
Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan secara terperinci jumlah pelajar yang menduduki peperiksaan SPM untuk setiap tahun sejak 2018 hingga sekarang dan berapa jumlah pelajar yang berjaya diterima untuk meneruskan pelajaran ke peringkat IPT.

15. PR-1522-L20217

Tuan Haji Yusuf bin Abd. Wahab [Tanjung Manis] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menghadapi musim panas yang melanda negara. Kebakaran rumah, hutan dan kawasan tanaman mudah berlaku disebabkan musim panas yang berpanjangan.

16. PR-1522-L21017

Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad [Bagan Serai] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan statistik peratusan pelajar yang mendapat tajaan MARA terutama di luar negara kembali berkhidmat di Malaysia selepas menamatkan pengajian mereka.

17. PR-1522-L20269

Tuan Riduan bin Rubin [Tenom] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah bentuk bantuan yang ditawarkan kepada pasangan suami isteri yang tidak berkemampuan untuk menampung kos rawatan kesuburan yang ditawarkan di Klinik Subfertiliti LPPKN bagi membolehkan mereka memiliki cahaya mata.

18. PR-1522-L20382

Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sejauh mana keberkesanan kod sukan selamat yang dilancarkan pada bulan Mac lalu.

19. PR-1522-L21033

Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah persediaan Kementerian untuk membasmi secara total penyalahgunaan rokok elektronik kerana sebilangan kecil pengguna mencampurkan CBD Oil dalam cecair nikotin.

20. PR-1522-L20962

Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun [Hulu Selangor] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah usaha untuk membantu golongan B40 di seluruh negara terutama anak muda untuk mendapatkan rumah mesra rakyat/rumah mampu milik.

21. PR-1522-L19786

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapa banyak lebuh raya bertol dan tidak bertol yang sedang dan akan dibina di seluruh Malaysia dan bagaimana Kementerian dapat menyelesaikan masalah “bottleneck” sehingga tahap perkhidmatan jalan (Level of Service - LOS) mencapai status F di kawasan pertembungan lebuh raya-lebuh raya yang berlainan.

22. PR-1522-L19720

Puan Yeo Bee Yin [Puchong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah nisbah *speech therapist* kepada populasi di Malaysia dan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menangani masalah kekurangan *speech therapist* di sektor awam dan swasta.

23. PR-1522-L21015

Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad [Bagan Serai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah pelan jangka masa panjang Kementerian dalam mengurus pelajar-pelajar genius atau pintar dan adakah Kementerian berhasrat untuk membenarkan golongan pelajar pintar ini menduduki SPM seawal mungkin.

24. PR-1522-L20683

Dato' Haji Abdul Khalib bin Abdullah [Rompin] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah pihak Kementerian melihat kepentingan sekolah satu aliran sebagai wadah penyatuan bangsa Malaysia akan menjadi lebih baik berbanding sekolah pelbagai aliran pada waktu ini.

25. PR-1522-L20857

Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas [Mersing] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) sejauh mana kurikulum pembelajaran sekolah telah melalui proses penilaian dan semakan kerana dikhawatir masih menggunakan silibus yang kurang sesuai, khasnya di peringkat sekolah menengah; dan
- (b) adakah ada perancangan untuk memendekkan tempoh pembelajaran di sekolah menengah daripada lima tahun kepada tiga tahun.

26. PR-1522-L19862

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kaedah dan keberhasilan polisi melibatkan inisiatif khas pengasingan kemudahan khas mengikut jantina pada pengangkutan awam.

27. PR-1522-L20904

Dato' Dr. Alias bin Razak [Kuala Nerus] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) komitmen Kementerian terhadap dasar dan inisiatif Generasi Penamat (GEG) dan sejauh manakah kajian telah dilaksanakan untuk memperhalusinya; dan
- (b) tindakan penguatkuasaan yang telah diambil susulan pengecualian produk cecair dan gel nikotin daripada jadual Akta Racun 1951 memandangkan RUU Kawalan Produk Tembakau dan Merokok dijangka hanya akan dibentang dalam sidang Parlimen pada Mei 2023.

28. PR-1522-L19707

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memperkenal dan menggunakan tenaga solar untuk lampu-lampu jalan di luar bandar, khasnya di Sarawak.

29. PR-1522-L20459

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi [Kuala Langat] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan pembangunan Lebuh Raya Pantai Barat (WCE) dan adakah ada perancangan untuk menaiktaraf jalan FT 37 menghala ke pekan Banting dan ke KLIA.

30. PR-1522-L20082

Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa bilangan guru yang mengalami masalah stress dan kemurungan di Sarawak. Apakah sebab dan puncanya serta apakah tindakan Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

31. PR-1522-L20274

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk menangani ketidakselarasan insentif kewangan antara pihak yang terlibat dalam membiayai bangunan (kos modal) dengan pengurusan (kos penyelenggaraan) bangunan berikutan perumahan sosial dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan tetapi kos penyelenggaraan ditanggung oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

32. PR-1522-L19857

Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan [Sri Gading] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk memperkasakan pembangunan E-Sukan Negara agar sukan tersebut dapat membawa pulangan yang setimpal dengan peruntukan yang diberikan daripada Kementerian.

33. PR-1522-L20417

Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) langkah bagi mengekang penjualan produk vape yang menyasarkan kepada pelajar sekolah; dan
- (b) perincikan justifikasi Kementerian membenarkan penggunaan nikotin dalam cecair vape.

34. PR-1522-L20891

Tuan Roy Angau anak Gingkoi [Lubok Antu] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan kemudahan dan bantuan kebajikan terkini yang disediakan untuk warga emas di bawah Kerajaan MADANI serta apakah usaha memastikan bantuan tersebut turut dapat dinikmati oleh warga emas di kawasan luar bandar dan pedalaman.

35. PR-1522-L20728

Tuan Wan Razali bin Wan Nor [Kuantan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian akan menyemak dan menaikkan gred bagi guru-guru yang berjaya menyambung pengajian peringkat sarjana atau doktor falsafah (PhD).

36. PR-1522-L19966

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah aduan berkenaan kesan sampingan vaksinasi COVID-19 yang diterima oleh Kementerian. Berapa jumlah wang pampasan telah dibayar oleh Kementerian kepada pengadu selama ini.

37. PR-1522-L20347

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status laluan keretapi di Rantau Panjang bagi membantu meningkatkan ekonomi negara melalui laluan rel di dalam inisiatif *Rantau Panjang Revival*.

38. PR-1522-L20601

Tuan Mohd Sany bin Hamzan [Hulu Langat] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah usaha dan tindakan bagi mengatasi masalah kesesakan jalan raya di Saujana Impian, Kajang menuju ke Pekan Semenyih termasuk masalah kesesakan keluar masuk di Taman Desa Jenaris, Kajang terutama jalan keluar ke Kuala Lumpur.

39. PR-1522-L19752

Tuan Pang Hok Liong [Labis] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mendermakan sebahagian daripada 8,000,000 dos vaksin COVID-19 yang akan luput pada September kepada negara lain yang memerlukan vaksin memandangkan setakat 28 Februari 2023, sebanyak 2,796,638 dos pelbagai jenama vaksin bernilai kira-kira RM81.4 juta telah luput.

40. PR-1522-L20593

Datuk Matbali bin Musah [Sipitang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan Pemegang kad kebajikan yang menggunakan mesin cuci darah (dialisis) di hospital Kerajaan pada tahun ini telah dikenakan caj pembayaran .Adakah cadangan pihak KKM untuk memberikan perkhidmatan percuma kepada pemegang kad kebajikan tersebut kerana sebahagian besar pemegang kad kebajikan ini di dalam kategori B40.

41. PR-1522-L19865

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan perancangan Kementerian dalam mengukuhkan sektor ekonomi digital melibatkan golongan belia dan kesukaran yang wujud bagi langkah digitalisasi ini.

42. PR-1522-L20179

Dato Anyi Ngau [Baram] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan status permohonan/pelaksanaan projek Bekalan Air Luar Bandar di Long Lama, Long Laput, Kawasan Peking Tinjar, Kawasan Pengelayan Baram serta status perlaksanaan Bekalan Elektrik Luar Bandar di kawasan Long Teran , Long Jegan dan kawasan Peking Baram.

43. PR-1522-L21006

Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khrudin [Jerantut] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah proaktif Kerajaan bagi mengawal lonjakan harga tiket tambang penerbangan terutama menjelang musim perayaan bagi laluan domestik, dan apakah jaminan Kerajaan supaya perkara seperti ini tidak berlaku kelak dan sekali gus meringankan bebanan rakyat.

44. PR-1522-L20722

Tuan Wan Razali bin Wan Nor [Kuantan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kadar kematian yang berlaku dalam tempoh menunggu respon kes termasuk yang berlaku ketika dalam perjalanan ke pusat rawatan.

45. PR-1522-L19766

Datuk Suhaimi bin Nasir [Libaran] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah Kementerian akan melaksanakan cadangan menaik taraf 30 batang jalan untuk diturap seperti yang dimohon oleh JKR Sandakan.

46. PR-1522-L20204

Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan Sungai Siput merupakan satu daerah kecil di mana kadar kemiskinan masih berada di paras yang tinggi iaitu 14%. Purata pendapatan seisi rumah ialah hanya (RM 3,800 – RM 3970). Apakah program-program yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah untuk memulihkan pembangunan sosioekonomi dan kesejahteraan penduduk B40 Sungai Siput.

47. PR-1522-L20181

Dato Anyi Ngau [Baram] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tahap serta pendirian Kementerian tentang penguasaan Bahasa Inggeris di sekolah- sekolah serta institusi-institusi pendidikan di negara pada masa ini.

48. PR-1522-L20302

Tuan Zahari bin Kechik [Jeli] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan kadar kejadian kebakaran, kematian dan kemusnahan nilai harta benda akibat kebakaran sepanjang 2022.

49. PR-1522-L20580

Tuan Gobind Singh Deo [Damansara] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perancangan dan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menyelesaikan masalah pengangkutan awam di kawasan-kawasan luar bandar dalam jangka masa 5 tahun.

50. PR-1522-L20329

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah [Langkawi] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilakah insunarator akan dibaiki atau diganti baru bagi menyelesaikan masalah sampah di Langkawi dan syabas diucapkan kepada Kementerian kerana tapak pelupusan sampah sedia ada di Belanga Pecah, Kuah, Langkawi telah mula ditutup dengan tanah dan ianya sudah mula memberi pandangan yang agak tidak menjijikkan sejauh ini termasuk anjing liar sudahpun berkurangan.

51. PR-1522-L20343

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah [Langkawi] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah peruntukan untuk memperbaiki atau mempertingkatkan sistem perparitan bersepadu di Parlimen Langkawi berikutan banjir besar pada bulan Oktober 2022.

52. PR-1522-L20235

Dato' Ramanan Ramakrishnan [Sungai Buloh] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sekiranya ada perancangan dan pembinaan untuk balai bomba dan penyelamat di kawasan yang sedang mengalami pertambahan kepadatan penduduk seperti di Kota Damansara.

53. PR-1522-L20691

Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan usaha Kerajaan bagi mewujudkan polisi yang lebih agresif bagi merapatkan jurang pembangunan dan jaringan pengangkutan awam antara bandar dan luar bandar terutama di negeri pantai timur.

54. PR-1522-L19887

Dato' Verdon bin Bahanda [Kudat] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan jumlah unit bantuan PPRT di Parlimen Kudat sepanjang RMK-12 dan berapa sasaran yang dirancang oleh Kementerian untuk membantu isu perumahan miskin di kawasan Parlimen yang tersenarai sebagai kawasan termiskin sebagai usaha menekankan kemiskinan.

55. PR-1522-L20511

Tan Sri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk menyediakan rumah mampu milik, mampu sewa, kos rendah dan kos sederhana untuk rakyat.

56. PR-1522-L19696

Tuan Onn bin Abu Bakar [Batu Pahat] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan mengapa beberapa punca utama projek perumahan swasta menjadi lewat dan bermasalah khususnya dalam tempoh pasca pandemik COVID-19.

57. PR-1522-L20501

Tuan Afnan Hamimi bin Taib Azamudden [Alor Setar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memberikan kemudahan Cuti Jaga Anak Di Hospital/Sakit kepada guru-guru berbanding kemudahan Cuti Rehat Khas (CRK) yang amat terhad bilangan harinya dalam setahun.

58. PR-1522-L20209

Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan rancangan Kementerian untuk menangani masalah sosial, pengurusan, dan infrastruktur di Projek Perumahan Rakyat (PPR) untuk meningkatkan kualiti kehidupan golongan terpinggir dan mewujudkan komuniti berdaya saing di PPR.

59. PR-1522-L20764

Tuan Muhammad Fawwaz bin Mohamad Jan [Permatang Pauh] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa bilangan wanita yang bersalin bagi tahun 2022 serta berapa bilangan pakar Obstetrik dan Ginekologi (O&G) dan berapa bilangan Doktor Obstetrik dan Ginekologi (O&G) seluruh Malaysia.

60. PR-1522-L19719

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah yang terjadi kepada projek-projek yang telah diluluskan pada 2,3 tahun lepas (Projek Pembinaan Baru SK Sri Sadong, Projek Pembinaan Baru SMK Serian No.2 dan Projek Pembinaan Pejabat Pendidikan Daerah Serian).

61. PR-1522-L20938

Dato' Sri Saifuddin Abdullah [Indera Mahkota] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil dalam agenda Reformasi Pendidikan.

62. PR-1522-L20673

Dato' Haji Abdul Khalib bin Abdullah [Rompin] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan program pembangunan sukan untuk e-Sports di peringkat sekolah dan sekolah sukan. Pembangunan e-Sports perlu diberikan perhatian memandangkan minat golongan muda pada sukan ini amatlah tinggi.

63. PR-1522-L19931

Tuan Zahir bin Hassan [Wangsa Maju] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian untuk mewujudkan kompleks sukan serta mempertingkatkan kemudahan sukan di kawasan Parlimen Wangsa Maju memandangkan kepadatan penduduk yang tertinggi sedia ada.

64. PR-1522-L20853

Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhrurazi [Kuala Kedah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan syor terbaharu berkenaan pengurangan bebanan tugas guru selepas penamatan perjawatan pembantu guru sebelum ini.

65. PR-1522-L19714

Tuan Tan Hong Pin [Bakri] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan peruntukan Kementerian untuk membantu operasi *van-hailing* seperti MOBI dan KUMPOOL bagi meningkatkan liputan pengangkutan awam.

66. PR-1522-L20308

Dato' Khlir bin Mohd Nor [Ketereh] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apa status pembinaan Kolej Tingkatan Enam di Ketereh, Kelantan dan bilakah jangkaan projek tersebut dapat disiapkan.

67. PR-1522-L20735

Datuk Wan Saifulruddin bin Wan Jan [Tasek Gelugor] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan sekolah amanah hari ini, berapa peningkatan setiap tahun untuk lima tahun lalu, dan apa rancangan untuk menambah sekolah amanah di masa depan.

68. PR-1522-L20563

Tuan Lee Chean Chung [Petaling Jaya] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah terdapat usaha Kementerian untuk bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan badan bukan Kerajaan (NGO) untuk menambah baik piawaian operasi pengurusan dan perlindungan kebajikan haiwan terbiar, selain melaksanakan kaedah Trap-Neuter-Return-Manage (TNRM) secara holistik di seluruh negara.

69. PR-1522-L20932

Dato' Sri Saifuddin Abdullah [Indera Mahkota] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini penggubalan Dasar Pendidikan Digital, dan apakah pelan terperinci Kementerian untuk meneruskan kesinambungan inisiatif Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 memandangkan pelan ini bakal tamat dalam tempoh dua tahun lagi.

70. PR-1522-L20823

Kapten Azahari bin Hasan [Padang Rengas] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapa lama tempoh kelulusan permohonan Bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) permohonan baharu/kemaskini dan apakah permohonan secara *online* masih berfungsi. Adakah pihak JKM akan membuat lawatan ke rumah bagi pemohon berstatus OKU/terlantar.

71. PR-1522-L20081

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan peruntukan persekutuan dari tahun 2016 hingga 2023:-

- (a) projek-projek pembinaan loji *waste to energy*; dan
- (b) pelaksanaan usaha 3R dan *zero waste management* di seluruh Negara.

72. PR-1522-L20450

Tuan Haji Bakri bin Jamaluddin [Tangga Batu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah KKM akan menaik taraf *entry level* Jurupulih Perubatan Fisioterapi dari gred U29 kepada gred U41 sepenuhnya.

73. PR-1522-L19494

Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah dan perancangan daripada pihak Kementerian dalam menghadapi peningkatan semula kes COVID-19, termasuk penularan varian baharu jenis XBB.1.16 atau Arcturus baru-baru ini, sama ada langkah pencegahan atau SOP yang lebih ketat bakal dilaksanakan semula.

74. PR-1522-L20539

Tuan Haji Kamal bin Ashaari [Kuala Krau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh pihak Kementerian dalam mengatasi masalah kebersihan dan penyelenggaraan sekolah yang kurang murid tetapi mempunyai kawasan yang besar, namun dikurangkan jumlah pekerja pembersih (*cleaner*).

75. PR-1522-L19934

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein [Sembrong] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah status pembinaan Rumah Mampu Milik di Sungai Sepuluh, Paloh dan minta apakah kaedah penjualan rumah mampu milik tersebut agar orang tempatan benar-benar dapat memiliki.

76. PR-1522-L20379

Tuan Mohd Syahir bin Che Sulaiman [Bachok] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan langkah Kementerian untuk menggilap bakat belia tempatan dalam industri digital kreatif ke peringkat antarabangsa.

77. PR-1522-L20690

Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perancangan bagi mengekang isu ulat tiket bagi tiket kapal terbang serta perancangan Kementerian bagi meletakkan harga syiling tiket penerbangan terutama pada musim perayaan.

78. PR-1522-L20491

Tuan Lee Chuan How [Ipoh Timor] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sekiranya terdapat program perumahan untuk warga emas (dan sekiranya tiada, adakah kerajaan akan mempertimbangkan untuk menjalankan *pilot test* di kawasan-kawasan tertentu).

79. PR-1522-L21018

Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad [Bagan Serai] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan :-

(a) apakah kemahiran yang diberikan fokus oleh pihak Kementerian terhadap penduduk luar bandar; dan

- (b) adakah ia ditentukan oleh Kementerian ataupun meraikan minat dan kebolehan penduduk setempat.
80. PR-1522-L20061
Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan untuk memperincikan pelan Kementerian untuk memindahkan pentadbiran Pelabuhan Bintulu dari Kerajaan Persekutuan ke Kerajaan Sarawak berdasarkan semangat MA63.
81. PR-1522-L20576
Tuan Zulkifli bin Ismail [Jasin] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha-usaha dan dasar atau polisi yang digunakan oleh KPM untuk mengurus kekosongan guru dan permohonan pertukaran guru.
82. PR-1522-L20681
Dato' Haji Abdul Khalib bin Abdullah [Rompin] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah Kementerian melihat pemilikan rumah di atas harga RM150,000 sesuai dibina di kawasan luar bandar, sekiranya sesuai, adakah proses pinjaman perumahan dipermudahkan.
83. PR-1522-L19761
Datuk Suhaimi bin Nasir [Libaran] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah peruntukan yang diturunkan ke Majlis Perbandaran Sandakan bagi kerja-kerja pembersihan parit, potong rumput dan menaik taraf jalan-jalan taman perumahan yang telah mengalami kerosakan dan apa tindakan Kementerian.
84. PR-1522-L20243
Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah perancangan terperinci Kementerian khususnya menjelang temasya Olimpik Paris 2024 dan Los Angeles 2028 serta pembentukan pasukan Road to Gold (RTG).

85. PR-1522-L20999

Tuan Azli bin Yusof [Shah Alam] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

- (a) apakah pihak Kementerian masih komited untuk pembinaan rumah-rumah kos rendah dan juga berkualiti bagi membantu golongan B40. Hal ini berikutan hasil Kajian Sentimen Pengguna Separuh Kedua 2022 PropertyGuru Malaysia mendapati 51 peratus responden menyatakan mereka tidak layak memohon skim perumahan mampu milik Kerajaan dan tidak mampu untuk membeli harta tanah tanpa bantuan kewangan ; dan
- (b) apakah strategi pihak Kementerian bersama intitusi kewangan dalam mempermudahkan urusan B40 dan M40 dalam mendapatkan bantuan kewangan bagi menyelesaikan lambakan rumah mampu milik yang berharga RM300,000 ke atas ketika ini.

86. PR-1522-L19832

Tuan Jimmy Puah Wee Tse [Tebrau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha serta langkah Kementerian untuk menerapkan nilai Malaysia Madani ke dalam sistem pendidikan negara.

87. PR-1522-L20405

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sebab penyelenggaraan lebuh raya yang dilakukan semasa musim perayaan sehingga mengakibatkan kesesakan luar biasa.

88. PR-1522-L20043

Puan Rodiyah binti Sapiee [Batang Sadong] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan secara terperinci berapa jumlah usahawan wanita yang telah dibantu di bawah inisiatif MyKasih Kapital serta apakah strategi Kementerian dalam memastikan mereka untuk kekal berdaya saing dan mampu berusaha mengembangkan perniagaan mereka.

89. PR-1522-L19505

Tuan Ganabatirau A/L Veraman [Klang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan isu beban tugas guru (bukan pengajaran) yang amat merumitkan dan memakan masa yang banyak. Guru-guru di seluruh negara telah menyuarakan isu ini kerana perkara ini menganggu fokus pengajaran mereka. Apakah langkah Kementerian Pendidikan Malaysia dalam mengatasi isu beban tugas guru (bukan pengajaran).

90. PR-1522-L20982

Datuk Ali anak Biju [Saratok] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk menggalakkan lebih ramai pakar perubatan ditempatkan di Sabah dan Sarawak, selain mewujudkan peluang pekerjaan dalam bidang kesihatan dan perubatan untuk anak muda di wilayah berkenaan.

91. PR-1522-L19709

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan bilangan dan kos Projek Bina Baru dan Projek Baik Pulih Rumah di bawah Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT), Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) untuk Kawasan Parlimen Serian bagi tahun 2023 sehingga 2025.

92. PR-1522-L20322

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah [Langkawi] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah rumah Program Perumahan Rakyat (PPR) yang didirikan di atas tanah rizab Melayu hanya diberikan kepada rakyat Bumiputera sahaja.

93. PR-1522-L20396

Tuan Hassan bin Saad [Baling] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha Kerajaan bagi meningkatkan aktiviti penterjemahan karya asing ke dalam Bahasa Melayu seiring dengan usaha pembudayaan ilmu dalam kalangan rakyat dalam negara ini.

94. PR-1522-L20598

Tuan Mohd Sany bin Hamzan [Hulu Langat] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kementerian akan memperkenalkan mekanisme lebih terperinci dan menyeluruh termasuk kuasa penguatkuasaan kepada agensi penguatkuasaan yang lain untuk mengawasi warga emas dan OKU dieksplotasi dalam aktiviti meminta sedekah atau mengutip derma atas nama jualan amal seperti yang berleluasa sekarang ini.

95. PR-1522-L20392

Tuan Hassan bin Saad [Baling] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan masalah lambakan kerja guru-guru yang menjadi antara penyebab ramai guru pencen awal akibat tekanan kerja.

96. PR-1522-L19617

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad [Simpang Renggam] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah perkembangan terkini 28 Ahli Panel Berkepakaran KPCT termasuklah berapa kali mereka bermesyuarat dan syor yang telah diberikan.

97. PR-1522-L20566

Tuan Zulkifli bin Ismail [Jasin] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

(a) statistik jumlah pengambilan guru secara *one off* oleh KPM dari tahun 2018-2023; dan

(b) mengapa berlaku kekosongan jawatan guru yang sangat ketara sehingga perlu kepada pengambilan secara *one off* sedangkan KPM pastinya telah membuat unjuran keperluan guru di sekolah-sekolah KPM.

98. PR-1522-L20946

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah justifikasi penolakan mata demerit yang dilakukan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan terhadap pemandu kenderaan berat serta apakah peranan Agensi Pengangkutan Awam Darat.

99. PR-1522-L20011

Tuan Mordi Bimol [Mas Gading] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perancangan dan peruntukan Kementerian untuk menaik taraf bangunan usang serta kemudahan fasiliti klinik-klinik kesihatan di kawasan Parlimen Mas Gading. Apakah ada perancangan untuk kuarters kediaman Klinik Kesihatan Singai yang usang dan tidak digunakan.

100. PR-1522-L20627

Tuan Wong Chen [Subang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah-langkah yang diusahakan oleh Kementerian untuk memastikan ketelusan dalam proses perolehan pihak berkuasa tempatan.

101. PR-1522-L20761

Tuan Nurul Amin bin Hamid [Padang Terap] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan keluasan permohonan tanam semula getah yang telah diluluskan pada suku pertama tahun ini mengikut negeri dan apakah langkah bagi memastikan sasaran 20,000 hektar pada tahun 2023 dapat dicapai.

102. PR-1522-L20137

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) data jumlah pesakit buah pinggang yang menjalankan hemodialisis dan jumlah mesin hemodialisis di hospital atau klinik kerajaan dan swasta di Sarawak; dan
- (b) apakah usaha Kerajaan bagi mengatasi masalah kekurangan kemudahan hemodialisis terutamanya di hospital dan klinik kerajaan di Sarawak.

103. PR-1522-L21007

Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin [Jerantut] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah mod pengangkutan awam Bus Rapid Transit (BRT) dan Autonomous Rapid Transit (ART) dapat dioperasikan di Malaysia dan senaraikan bandar-bandar yang akan melaksanakan mod pengangkutan awam kos patut ini.

104. PR-1522-L20618

Tuan Wong Chen [Subang] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada Kerajaan bersedia untuk mendedahkan secara terbuka perjanjian konsesi *Petaling Jaya Dispersal Link* (PJD Link) atau secara alternatif, untuk membenarkan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen akses penuh kepada perjanjian konsesi tersebut.

105. PR-1522-L20905

Dato' Dr. Alias bin Razak [Kuala Nerus] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian telah menjalankan kajian terperinci mengenai Pendigitalan Rekod Kesihatan terutamanya sistem *Electronic Health Records* (EHR) bagi meningkatkan tahap program saringan dalam kalangan rakyat serta mengenal pasti pelbagai penyakit dari awal berdasarkan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2019.

106. PR-1522-L20139

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah kerajaan akan memulakan pembinaan pejabat kesihatan Bahagian Betong dan Klinik kesihatan baru Betong dan berapakah kos yang diluluskan.

107. PR-1522-L20903

Dato' Dr. Alias bin Razak [Kuala Nerus] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah komitmen Kementerian terhadap penubuhan Suruhanjaya Penjagaan Kesihatan untuk menambah baik perkhidmatan penjagaan kesihatan di dalam negara serta apakah garis masa pelaksanaannya yang merupakan janji reformasi kesihatan Pakatan Harapan dalam manifesto PRU-15.

108. PR-1522-L19929

Tuan Zahir bin Hassan [Wangsa Maju] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan strategi Kementerian untuk menjelak projek-projek perumahan swasta lewat, sakit dan terbengkalai secara komprehensif dan menyeluruh.

109. PR-1522-L21034

Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan Kementerian telah bersedia untuk mengatasi isu doktor kontrak secara berperingkat. Apakah kriteria Kementerian dalam penyerapan yang akan dilakukan kelak.

110. PR-1522-L20820

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan Kementerian bercadang untuk meningkatkan semangat dan jati diri para guru dengan mengurangkan beban kerja perkeranian supaya mereka dapat memberikan tumpuan penuh kepada tugas hakiki iaitu mengajar dan mendidik demi kemenjadian murid.

111. PR-1522-L19703

Tuan Tan Hong Pin [Bakri] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian bersedia menghentikan monopoli syarikat Pharmaniaga sebagai pemegang konsesi bagi ubat-ubatan dan bekalan perubatan kepada hospital serta klinik Kerajaan memandangkan syarikat tersebut telah diletakkan bawah klasifikasi PN17 selepas mencatatkan kerugian bersih terbesar RM664.39 juta dalam suku keempat berakhir 31 Disember 2022.

112. PR-1522-L20866

Dato' Indera Dr. Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kebenaran supaya feri kenderaan (Roro feri kenderaan) beroperasi sehingga jam 12.00 malam dan ditambah bilangan sedia ada bagi memastikan tidak ada masalah untuk rakyat Labuan atau Sabah berulang-alik menggunakan kemudahan feri.

113. PR-1522-L20480

Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan adakah Kementerian mempunyai bantuan dana atau peruntukan khusus buat mana-mana pertubuhan keagamaan selain agama Islam untuk mereka membuat sebarang bentuk aktiviti-aktiviti dan juga program pembangunan agar pertubuhan minoriti di negara turut aktif berkembang.

114. PR-1522-L20170

Tuan Lo Su Fui [Tawau] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status terbaharu projek pembinaan Projek Pan Borneo KM32 di daerah Tawau yang telah siap dibina dan nyatakan perancangan Kementerian bagi mengatasi isu kelewatan pembinaan Projek Pan Borneo di Pantai Timur Sabah.

115. PR-1522-L20774

Dr. Siti Mastura binti Muhammad [Kepala Batas] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) berapakah nisbah penolong pegawai perubatan (PPP) dan Pegawai Perubatan di Hospital Kepala Batas berbanding penduduk berjumlah 117,000 orang di Kepala Batas; dan
- (b) jumlah pesakit berdaftar di Hospital Kepala Batas dalam tempoh 5 tahun.

116. PR-1522-L19974

Dato' Sri Doris Sophia anak Brodi [Sri Aman] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang mewujudkan akta penyewa bagi melindungi kepentingan penyewa sama ada di premis perniagaan mahupun persendirian memandangkan tanpa akta ini, sering kali berlakunya ketidakadilan berkaitan perjanjian sewa antara penyewa dan tuan hartanah.

117. PR-1522-L20826

Kapten Azahari bin Hasan [Padang Rengas] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah proaktif Kementerian untuk meningkatkan aspek keselamatan pengguna basikal termasuk penyediaan laluan basikal khas dan program-program advokasi sejajar dengan hasrat untuk memaju agenda pengangkutan hijau.

118. PR-1522-L21030

Datuk Andi Muhammad Suryady bin Bandy [Kalabakan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk membina sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di daerah Tawau dan Kalabakan bagi memperkasakan lagi pendidikan Islam bagi menyediakan pelajar dengan ilmu duniawi dan ukhrawi memandangkan pada ketika ini hanya terdapat sebuah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan kuota pengambilan pelajar adalah terhad.

119. PR-1522-L20747

Tuan Nurul Amin bin Hamid [Padang Terap] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah Kerajaan untuk menangani masalah kehabisan tempat pembuangan sampah yang dijangka berlaku menjelang tahun 2050 sekiranya trend peningkatan pembuangan sampah berterusan.

120. PR-1522-L19587

Tuan Yuneswaran A/L Ramaraj [Segamat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah persediaan yang telah dirangka bagi mempersiapkan sekolah-sekolah di seluruh negara untuk berdepan dengan kebarangkalian berlakunya gelombang penularan COVID-19 dan cuaca panas membahang pada masa hadapan yang memaksa para pelajar untuk mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran dari rumah.

121. PR-1522-L19921

Tuan Edwin anak Banta [Selangau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status dan tindakan susulan yang telah diambil berkaitan 222 guru daripada 3227 guru "one-off" yang tidak melaporkan diri selepas ditawarkan penempatan ke Sarawak. Sehubungan itu, apakah perancangan Kementerian untuk menyelesai dan membendung masalah ini lebih-lebih lagi dari segi pemilihan calon-calon agar tidak menidakkannya peluang mereka yang betul-betul ingin menjadi pendidik dan tidak memilih penempatan bertugas.

122. PR-1522-L20810

Tuan Roslan bin Hashim [Kulim Bandar Baharu] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan tindakan Kementerian kepada pemegang lesen pemberi pinjaman wang yang beroperasi menggunakan kaedah ahlong. Setakat ini berapa banyak yang sudah disenaraihitamkan.

123. PR-1522-L19842

Puan Syerleena binti Abdul Rashid [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula lesen kenderaan motor (cukai jalan) lama yang masih di gunapakai tetapi dalam keadaan baik contohnya kenderaan 2000 cc keatas.

124. PR-1522-L20549

Tuan Haji Mohd Misbahul Munir bin Masduki [Parit Buntar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai garis panduan berkaitan dengan aktiviti kokurikulum dan sukan yang disertai oleh pelajar-pelajar Islam yang patuh syariah dan tidak bercanggah dengan matlamat Falsafah Pendidikan Islam itu sendiri.

125. PR-1522-L20173

Tuan Lo Su Fui [Tawau] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jangkaan tarikh dan jaminan bangunan dan kemudahan di Hospital Besar Tawau dapat disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan.

126. PR-1522-L20345

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan status pembinaan Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) di Rantau Panjang.

127. PR-1522-L19585

Tuan Yuneswaran A/L Ramaraj [Segamat] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan pelan perancangan strategik yang telah diperincikan dalam mempertimbangkan cadangan untuk melaksanakan projek LRT di Johor Bahru dan apakah aspek-aspek perancangan bandar yang turut diberi perhatian bagi memastikan jajaran LRT yang akan dibina tidak menjaskan urbanisasi serta kelancaran mobiliti rakyat.

128. PR-1522-L19907

Datuk Wetrom bin Bahanda [Kota Marudu] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah pihak Kementerian mempunyai pelan jangka panjang dan pelan jangka pendek dalam memperbaiki mutu PBT yang kurang terurus di kawasan luar bandar seperti Kota Marudu. Adakah pihak Kementerian mempunyai perancangan khusus bagi membantu kawasan-kawasan PBT luar bandar ini.

129. PR-1522-L20316

Dato' Hajah Mumtaz binti Md Nawi [Tumpat] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah rasional Majlis Perwakilan Kanak-kanak Kebangsaan ditempatkan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan bukan di bawah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dan sejauh manakah kewujudannya telah merancakkan input pembangunan, kebajikan dan kepimpinan kanak-kanak di Malaysia.

130. PR-1522-L19779

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pendirian serta keaktifan penyertaan Malaysia dalam pentaksiran Program for International Student Assessment (PISA) oleh OECD dan *Trend in International Mathematics and Science Stud* (TIMSS) dan bagaimana penanda aras dibuat di antara pelajar Malaysia dan pelajar asing berdasarkan piawaian antarabangsa.

131. PR-1522-L20765

Tuan Muhammad Fawwaz bin Mohamad Jan [Permatang Pauh] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa bilangan doktor perubatan yang tidak mencukupi dalam bidang Obstetrik dan Ginekologi (O&G).

132. PR-1522-L19741

Tuan Chow Kon Yeow [Batu Kawan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah dan mekanisme baru dalam merangsang pembinaan rumah mampu milik (RMM) khususnya di bandar-bandar utama. Ini adalah ekoran kenaikan harga bahan binaan yang memberi impak kepada pembinaan RMM dan juga penangguhan projek oleh pihak pemaju. Perincikan projek-projek baru yang telah/bakal dilaksanakan pada tahun ini mengikut pecahan negeri dan tempoh ia akan disiapkan dan juga kos jualan.

133. PR-1522-L20503

Tuan Afnan Hamimi bin Taib Azamudden [Alor Setar] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah jangka pendek dan jangka panjang Kerajaan untuk membantu golongan muda B40 bagi memiliki rumah kediaman pertama.

134. PR-1522-L19949

Tuan Chiew Choon Man [Miri] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan pendirian Kementerian dalam menyediakan satu Anjung Singgah di Miri memandangkan bilangan golongan gelandangan yang semakin meningkat atas sebab Bandaraya Miri telah menjadi satu pusat tumpuan penduduk di bahagian utara Wilayah Sarawak.

135. PR-1522-L20373

Dato' Azman bin Nasrudin [Padang Serai] minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan bilangan Komuniti Rukun Tetangga (KRT) yang ditubuhkan di seluruh negara untuk memperkasa komuniti setempat mengikut negeri, dan apakah usaha Kementerian untuk menggalakkan penyertaan anak muda dalam aktiviti kesukarelawanan di Rukun Tetangga.

136. PR-1522-L20070

Tuan Manndzri bin Nasib [Tenggara] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan jumlah penerima bantuan BAKTIDESZA.

137. PR-1522-L19654

Datuk Jonathan Yasin [Ranau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa jumlah sekolah-sekolah daif serta tidak selamat di Sabah yang telah dibaiki atau naik taraf sejak 5 tahun kebelakangan ini (dan di mana) dan perancangan Kerajaan untuk membaiki dan menaik taraf sekolah-sekolah yang berkeadaan sedemikian dalam tempoh 5 tahun akan datang.

138. PR-1522-L20837

Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhrurazi [Kuala Kedah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) jumlah guru pendidikan khas yang tidak mengikut bidang pengkhususan semasa kursus yang diambil di peringkat sarjana muda; dan
- (b) langkah menyelesaikan masalah ini.

139. PR-1522-L19578

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan masalah kekurangan mesin dialisis untuk pesakit-pesakit buah pinggang yang kian bertambah dan juga masalah kelewatan rawatan klinik mata untuk para pesakit yang terpaksa menunggu lebih 6 bulan untuk mendapat rawatan.

140. PR-1522-L19888

Dato' Verdon bin Bahanda [Kudat] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sekiranya Kementerian mempunyai perancangan untuk menaik taraf lapangan terbang di Bandar Kudat untuk merancakkan pembangunan dan aliran ekonomi di Kudat melalui ketibaan pelancong dan juga sistem kargo udara.

141. PR-1522-L19971

Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk meluaskan skim pencen kepada atlet-atlet negara yang berjaya meraih pingat tertinggi di peringkat antarabangsa sebagai salah satu cara negara menghargai bakat dan usaha lelah mereka dalam mengharumkan nama negara.

142. PR-1522-L20026

Dr. Mohammed Taufiq bin Johari [Sungai Petani] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan selain daripada kebenaran memakai pakaian sukan adakah Kementerian akan mengeluarkan Garis Panduan Khusus buat sekolah-sekolah dalam menghadapi cuaca panas sebagai usaha menjaga keselamatan para murid dan guru daripada sebarang kemudaratian.

143. PR-1522-L20592

Datuk Matbali bin Musah [Sipitang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah kemudahan lain, selain kenderaan ambulans yang boleh digunakan oleh masyarakat di pedalaman seperti Long Pasia, Long Mio dan Iburu, Sipitang jika berlaku kecemasan kerana jalan yang sedia ada hanya boleh dilalui menggunakan pacuan 4 roda dan mengambil masa yang agak lama ke Hospital Daerah Sipitang.

144. PR-1522-L19763

Puan Wong Shu Qi [Kluang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah bas henti-henti milik Prasarana Malaysia Berhad yang beroperasi secara optimum setiap hari, jumlah bas yang tidak beroperasi sepenuhnya di Lembah Klang atau tersadai di depot dan faktor mengapa bas-bas tersebut tidak digunakan.

145. PR-1522-L19995

Tuan Mordi Bimol [Mas Gading] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah ada perancangan serta penyaluran peruntukan daripada Kementerian untuk menaik taraf kemudahan infrastruktur dan utiliti awam bagi penjaja serta peniaga kecil di Majlis Daerah Bau dan Majlis Daerah Lundu berbanding langkah penswastaan untuk tujuan berkenaan.

146. PR-1522-L19890

Datuk Wetrom bin Bahanda [Kota Marudu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah pelan pihak Kementerian menangani masalah klinik desa dan pejabat sub sektor kesihatan yang daif di kawasan Kota Marudu yang berstatus BER (*Beyond Economic Repair*) dan usang. Fasiliti-fasiliti kesihatan ini adalah menjadi keperluan masyarakat di kawasan luar pekan Kota Marudu yang jauh bagi mendapatkan pemeriksaan kesihatan.

147. PR-1522-L19490

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah Kementerian untuk mengatasi isu lambakan rumah siap tidak terjual termasuk rumah mampu milik.

148. PR-1522-L20059

Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah tren yang beroperasi berbanding jumlah keseluruhan tren bagi MRT dan LRT buat masa ini bagi setiap laluan.

149. PR-1522-L19679

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berhubung garis panduan kemudahan asas di tadika dan sekolah swasta berdaftar seperti mesin minuman air (*water dispenser*) dan kemudahan tandas mesra kanak-kanak, serta berapa bilangan tadika dan sekolah swasta yang tidak berdaftar dan langkah-langkah yang diambil bagi mengatasinya.

150. PR-1522-L20009

Datuk Seri M. Saravanan [Tapah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah peruntukan yang diperuntukkan kepada sekolah-sekolah Tamil untuk Bajet 2023 dan menjelaskan sama ada Kementerian mempunyai perancangan untuk memberi bantuan khas atau meningkatkan jumlah bantuan sedia ada untuk pembangunan pendidikan Tamil di negara ini.

151. PR-1522-L20048

Puan Rödiyah binti Sapiee [Batang Sadong] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan mengenai trend peratusan di dalam domain Sosialisasi Politik di kalangan belia di Malaysia di bawah kajian Indeks Belia Malaysia (IBM) khususnya selepas penguatkuasaan UNDI18 pada tahun 2019 serta perancangan jangka masa panjang Kementerian untuk memastikan golongan belia sentiasa wacana dan matang dalam politik.

152. PR-1522-L20218

Puan Isnaraissah Munirah Majilis [Kota Belud] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-

- (a) status terkini pengambil alihan semula penyeliaan ruang udara 'Flight Information Region' (FIR) daripada negara Singapura yang telah dirancang pada tahun 2019 yang mana jangkaan pelaksanaannya selewat-lewatnya pada tahun 2023; dan
- (b) berapa kos FIR yang ditanggung oleh syarikat penerbangan bagi setiap penerbangan daripada Semenanjung ke Sabah dan Sarawak dan berapa pula kos yang akan ditanggung jika Kerajaan mengambil alik FIR ini daripada Singapura.

153. PR-1522-L20205

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berdasarkan masalah sistem e-ticket di Terminal Bersepadu Selatan (TBS) di mana pelanggan telah membeli tiket secara online namun perlu ke kaunter untuk mendapatkan tiket fizikal, dan masalah bertambah rumit apabila musim kemuncak di mana ramai pengguna terlepas bas kerana beratur terlalu lama di kaunter, apakah langkah penyelesaian oleh pihak Kementerian.

154. PR-1522-L19489

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan jaminan Kerajaan Persekutuan untuk melindungi rizab Orang Asli di Semenanjung di bawah Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) dan Kanun Tanah Negara (Akta 828) supaya terus dikekalkan untuk kepentingan Orang Asli dan tidak boleh dipindah milik kepada pihak-pihak lain.

155. PR-1522-L20226

Tuan Haji Yusuf bin Abd. Wahab [Tanjong Manis] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan program-program yang telah dirancangkan untuk meningkatkan sosioekonomi masyarakat luar bandar di Parlimen Tanjong Manis.

156. PR-1522-L19807

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan rasional Kerajaan merahsiakan penemuan nahas pesawat Double Six sejak lebih 40 tahun lalu. Adakah Kerajaan akan mengusahakan sebarang bentuk pampasan kepada keluarga mangsa akibat tindakan Kerajaan ini.

157. PR-1522-L19571

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengapa Kerajaan mengambil masa 47 tahun untuk *declassify* laporan penyiasatan kemalangan kapal terbang GAF N-22B Nomad milik Sabah Air yang telah mengorbankan 11 orang penumpang termasuk Ketua Menteri, Tun Fuad Stephens. Mengapa laporan siasatan tidak menyebut rekod percakapan dari *Black Box*.

158. PR-1522-L19558

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tindakan yang diambil untuk mempermudahkan tatacara Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya yang kini beroperasi cuma dari hari Isnin hingga Khamis supaya tidak ada kelewatan permit menghantar pulang mayat warga asing.

159. PR-1522-L19519

Tuan Ganabatirau A/L Veraman [Klang] minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan saban hari kita mendengar isu rasis dan ekstrem dijadikan modal tuduhan berkaitan perkauman dan agama oleh pihak-pihak tertentu dan ini telah mempengaruhi sentimen sesuatu kaum di negara ini. Adakah dalam masa terdekat Kerajaan akan mengusulkan suatu undang-undang seperti antiperkauman *hate speech* atau undang-undang *minority protection act* dan sebagainya.

160. PR-1522-L19944

Tuan Chiew Choon Man [Miri] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kerajaan dapat meluluskan permohonan Kementerian Pengangkutan sebanyak RM60 juta bagi melaksanakan projek menaik taraf Lapangan Terbang Miri demi kepentingan rakyat setempat dan untuk menggalakkan perkembangan industri pelancongan di Sarawak.

PADA PERMULAAN URUSAN MESUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. **Menteri Pembangunan Usahawan Dan Koperasi**

- * Rang Undang-Undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Pindaan) 2023.

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. Menteri di Jabatan Perdana Menteri akan mencadangkan :-

"**MENYEDARI** bahawa dalam sistem akauntabiliti negara, Institusi Audit merupakan *oversight* agensi kepada Parlimen yang berperanan untuk mengesahkan semua aktiviti dan kewangan yang telah diluluskan oleh Parlimen dilaksanakan oleh cabang eksekutif. Ketua Audit negara hendaklah menentukan sama ada pada pendapatnya wang telah digunakan untuk maksud yang diperuntukkan atau dibenarkan dan aktiviti yang berhubungan dengannya, dijalankan atau diuruskan dengan cara yang cekap, dengan memberi perhatian sewajarnya terhadap keekonomian dan pengelakkan pembaziran atau keborosan seperti termaktub dalam Akta Audit 1957 [Akta62].

MENYEDARI akan cabaran yang dihadapi oleh Ketua Audit Negara dalam menjalankan mandat dan tanggungjawabnya, memerlukan perhatian yang serius daripada pihak berkaitan supaya isu yang dibangkitkan diberi perhatian sewajarnya manakala syor-syor utama yang terkandung dalam LKAN dilaksanakan dengan berkesan.

MENYEDARI bahawa LKAN telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada Khamis, 16 Februari 2023 terdiri daripada :

- i. LKAN Tahun 2021 Siri 2 mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan;
- ii. LKAN tahun 2021 mengenai Pengauditan Pematuhan Kementerian dan Jabatan Persekutuan; dan
- iii. LKAN Tahun 2021 Siri 2 mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan.

MEMAHAMI bahawa LKAN membangkitkan isu-isu ketakteraturan serius yang berlaku dalam perakaunan atau penjagaan wang awam atau simpanan awam serta pengurusan aktiviti Kerajaan dan syarikat Kerajaan yang memerlukan tindakan berkesan daripada Kementerian, jabatan dan agensi yang diaudit.

MEMPERAKUI bahawa Kerajaan memandang serius isu yang dibangkitkan dalam LKAN, dan YAB Perdana Menteri sendiri sudah mengarahkan agar Menteri terlibat meneliti isu dibangkitkan. Segala isu yang melibatkan ketirisan, ketidakpatuhan kepada peraturan, tidak mematuhi syarat dan kelemahan dalam perancangan perlu diteliti dan diambil pengajaran (*lessons learnt*) supaya tidak berulang dalam pelaksanaan aktiviti/program/projek di masa akan datang.

BAHAWA dalam Ketua Audit Negara melaksanakan mandatnya, Dewan yang mulia ini menyeru agar semua pihak bersatu hati dan menyokong Kerajaan agar dapatkan Audit dan syor yang terkandung dalam laporan tersebut dapat diambil tindakan dengan serius oleh pihak terlibat untuk mengatasi kelemahan yang ditemui dan seterusnya mengelakkan ketirisan wang awam daripada terus berlaku."

2. **Menteri Kesihatan** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa perolehan vaksin COVID-19 dilaksanakan atas persetujuan Mesyuarat Jemaah Menteri melalui penubuhan Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) yang dipengerusikan bersama oleh YB Menteri Kesihatan dan YB Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, dan diberi kuasa untuk berunding, menandatangani perjanjian pembelian serta membuat perolehan vaksin COVID-19.

Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa perjanjian yang ditandatangani telah melalui proses semakan dan nasihat daripada Jabatan Peguam Negara bagi memastikan bekalan vaksin COVID-19 dapat diperoleh dengan segera, selamat dan teratur mengikut Prosedur Operasi Standard Perolehan Vaksin COVID-19 yang dibangunkan hasil konsultasi Kementerian Kesihatan bersama Bahagian Perolehan Kerajaan dan Pejabat Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan.

Bahawa Kementerian Kesihatan antara lain telah melaksanakan intervensi kesihatan awam yang tidak melibatkan bahan farmaseutikal ataupun *Non-Pharmaceutical Interventions (NPis)* serta turut melaksanakan pemberian vaksinasi COVID-19 melalui Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) bagi menekan penularan jangkitan COVID-19 dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Bahawa Dewan ini menyedari bahawa program vaksinasi yang dilaksanakan telah berjaya mengawal penularan COVID-19, mencegah komplikasi yang teruk termasuk kemasukan ke hospital seterusnya membawa kematian. Langkah-langkah kawalan dan pencegahan bukan farmaseutikal dan vaksinasi ini telah berjaya melandaikan keluk pandemik COVID-19 Negara dan seterusnya memulihkan beban kesihatan awam Negara.

Bahawa Dewan ini mengesahkan perolehan vaksin COVID-19 yang telah dilaksanakan pada tahun 2020 hingga tahun 2023 dan hala tuju Kerajaan seterusnya seperti dinyatakan dalam Kertas Perintah 28 Tahun 2023 iaitu Kertas Putih Pengurusan Perolehan Vaksin COVID-19 yang telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada Selasa, 6 Jun 2023."

3. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini, membuat membuat ketetapan di bawah Peraturan Mesyuarat 27(3), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat bahawa Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) bagi tahun 2020 (Kertas Status ST.140 Tahun 2023) yang telah dibentangkan dalam Dewan ini pada 25 Mei 2023, untuk membahaskan isu-isu dan syor-syor yang terkandung dalam Laporan Tahunan ini;

memperakui bahawa aspirasi dan komitmen Kerajaan yang telus dan berintegriti dalam usaha melindungi, memenuhi tanggungjawab dan menghormati isu hak asasi manusia telah mengangkat dan menjadikan SUHAKAM sebagai satu badan bebas yang dikenali di peringkat nasional dan antarabangsa sehingga diberi pengiktirafan status A di bawah Prinsip-prinsip Paris (*Paris Principles*) selain mampu mewujudkan kerjasama yang baik antara agensi Kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) demi melindungi dan mempromosi hak asasi manusia di Malaysia;

menyedari bahawa di dalam era dunia digital ini dengan kemudahan memperolehi maklumat dari internet dan media sosial menyebabkan pentingnya isu hak asasi manusia untuk di beri penjelasan dan pencerahan oleh pihak SUHAKAM dan Kerajaan bagi memastikan agenda Kerajaan untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat difahami dengan baik dan ditangani dengan sewajarnya selain keperluan Kerajaan untuk membantu/bekerjasama rapat dengan SUHAKAM dalam memperkuatkannya lagi usaha mempertingkatkan kesedaran mengenai hak asasi manusia dan menjaga serta menangani pelbagai isu sosial, ekonomi, kebudayaan serta politik dalam kalangan rakyat;

mengambil maklum akan cabaran yang dihadapi oleh SUHAKAM dalam menjalankan mandat dan tanggungjawabnya memerlukan perhatian yang serius daripada pihak berkaitan selain pertimbangan bagi melaksanakan dengan berkesan syor-syor utama yang terkandung dalam laporan tersebut serta memahami keperluan Kerajaan menandatangani dan menyertai/meratifikasi triti dan konvensyen antarabangsa berkenaan hak asasi manusia bagi memperkasakan lagi hala tuju dalam memupuk dan mempertahankan hak asasi manusia di Malaysia;

menyokong kepentingan perbahasan Laporan Tahunan ini bagi mencerminkan kesungguhan Kerajaan dalam memelihara dan melindungi hak asasi manusia melibatkan pelbagai lapisan masyarakat; dan

Bahawa dalam SUHAKAM melaksanakan mandatnya mempromosi dan melindungi hak asasi manusia di Malaysia, Dewan yang mulia ini menyeru agar semua pihak bersama-sama bertanggungjawab dan bersatu hati dan menyokong Kerajaan agar pelaksanaan syor, pandangan dan cadangan yang terkandung dalam laporan tersebut dapat disahkan dan diluluskan."

4. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM27,000 juta di bawah seksyen 3(1) Akta yang sama, iaitu baki wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) sehingga akhir Mei tahun 2023 ke Kumpulan Wang Pembangunan."

5. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 6(2), subseksyen 90A(2), subseksyen 91I(2) dan subseksyen 91U(2), subseksyen 91DA(2), Akta Eksais 1976 supaya Perintah Duti Eksais yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bilangan ST.181 dan ST.182 bagi tahun 2022 serta ST.125, ST.126, ST.127, ST.129, ST.130, ST.134 bagi tahun 2023 disahkan."

6. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 7(2), Akta Levi Keuntungan Luar Biasa 1998 supaya Perintah Levi Keuntungan Luar Biasa yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bilangan ST.38 bagi tahun 2023 disahkan."

7. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 10(3), Akta Cukai Jualan 2018 supaya Perintah Cukai Jualan yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bilangan ST.35 dan ST.128 bagi tahun 2023 disahkan."

8. PR-1522-U(27)254

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia-Thailand supaya merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan menyediakan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand. Sempadan Malaysia-Thailand adalah sepanjang kira-kira 656km namun hanya 111 km sahaja yang berpagar. Sebahagian tembok sempadan antara Malaysia dan Thailand di sepanjang Laluan Keselamatan dan Pembangunan (KESBAN) dilihat sudah usang manakala peralatan kamera litar tertutup (CCTV) dan alat pengimbas perlu ditambah, dibaik pulih dan dinaik taraf dengan teknologi terkini seperti penggunaan dron. Beberapa insiden pada masa lalu seperti kes tembakan ke atas pasukan keselamatan negara dan bermaharajalelanya sindiket pemerdagangan manusia seperti yang berlaku di insiden Wang Kelian serta penyeludupan barang termasuk dadah dan senjata menunjukkan betapa kritikalnya keperluan untuk meningkatkan tahap keselamatan di perbatasan. Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan. Mohon pihak Kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyegerakan pembangunan tembok sempadan Malaysia-Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara."

[Perdana Menteri]

9. PR-1522-U(27)255

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan menubuhkan badan siasatan bebas bagi mengenal pasti secara terperinci punca utama yang menyebabkan kekurangan bekalan bahan makanan mentah seperti ayam dan telur ayam di pasaran serta merangka perancangan penyelesaian jangka pendek dan panjang yang komprehensif termasuk penguatkuasaan terhadap golongan kartel orang tengah serta menambahkan daya pengeluaran bekalan bahan mentah tempatan. Rakyat baik dari kalangan pengguna mahupun pengusaha restoran kecil masih mengeluh dengan permasalahan ini yang menyebabkan kenaikan harga bahan makanan mentah. Kerajaan tidak seharusnya melepaskan tanggungjawab menjaga keterjaminan bekalan bahan mentah makanan kepada individu (sebagai *end user*) mahupun menyarankan penyelesaian jalan mudah seperti menambah import makanan tetapi mencari penyelesaian sepanjang rangkaian jaringan bekalan bahan makanan mentah."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

10. PR-1522-U(27)256

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji dan merancang satu inisiatif khas bagi memastikan setiap rakyat dan keluarga Malaysia terutamanya dari golongan B40 dan M40 mampu memiliki kediaman pertama dengan menyediakan rumah mampu milik berharga RM200,000 dan ke bawah baik di luar dan di dalam bandar. Dasar Perumahan Negara (2018-2025) sendiri memperakui bahawa isu kemampuan memiliki rumah semakin ketara di kalangan rakyat dan impak kenaikan harga rumah yang mendadak turut dirasai golongan M40 selain B40. Inisiatif khas untuk menyediakan kemudahan rumah pertama pada harga di bawah RM200,000 dan ke bawah ini hendaklah dijadikan salah satu sasaran kajian semula Dasar Perumahan Negara dan memerlukan input dari pelbagai Agensi dan Kementerian serta pihak bukan Kerajaan dan bukan dari satu Kementerian sahaja. Isu kemampuan memiliki rumah pertama jika tidak ditangani akan mewujudkan generasi rakyat yang sentiasa menyewa tanpa mendapat peluang memiliki perumahan sendiri. Golongan generasi ini akan terus menjadi mangsa kepada harga harta tanah yang melambung akibat spekulasi harta tanah dan tanpa kawalan harga sehingga menjadikan harga di luar kemampuan sebenar golongan M40 dan B40."

[Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan]

11. PR-1522-U(27)257

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya agihan peruntukan pembangunan dan pelaksanaan projek pembangunan kepada enam negeri kurang membangun, iaitu Kedah, Kelantan, Perlis, Sabah, Sarawak dan Terengganu seperti yang direncanakan di dalam Pelan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dapat dilaksanakan secepat mungkin. Berdasarkan pelan RMK-12 tersebut, enam negeri kurang membangun akan terus diberi keutamaan dengan agihan sekurang-kurangnya 50% daripada keseluruhan peruntukan Perbelanjaan Pembangunan Asas Persekutuan. Ini akan mempercepat penyediaan infrastruktur dan kemudahan asas serta menjana lebih banyak peluang ekonomi di negeri kurang membangun dan mengurangkan jurang pembangunan."

[Menteri Ekonomi]

12. PR-1522-U(27)258

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji semula peruntukan khas yang boleh diberikan kepada pekebun kecil, penternak dan nelayan yang terjejas akibat bencana alam seperti banjir dan musim tengkujuh. Kerosakan tanaman dan kematian ternakan seringkali mendatangkan kerugian besar hingga kepada jutaan ringgit setiap kali berlaku bencana alam. Dengan situasi semasa ekonomi negara yang tidak stabil juga secara tidak langsung akan memberi tekanan kepada kos sara hidup pekebun kecil, penternak dan nelayan yang kebanyakannya bergantung harap kepada sumber pendapatan tersebut sahaja. Maka pemberian peruntukan khas ini dapat menambah baik kehidupan mereka."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

13. PR-1522-U(27)259

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan melaksanakan satu perancangan persediaan dan pengurusan risiko bagi menghadapi bencana alam dapat disemak semula akibat impak perubahan iklim yang sangat drastik sejak kebelakangan ini. Hal ini demikian kerana perancangan rapi penting bagi memastikan tahap kesiapsiagaan anggota terlibat berada di tahap yang tinggi. Di samping itu, Kerajaan juga perlu merencana satu langkah holistik bagi mendidik masyarakat agar bersiap siaga untuk menghadapi bencana alam kerana kesedaran terhadap isu ini di dalam kalangan masyarakat masih berada di tahap yang rendah berdasarkan peristiwa bencana alam yang lepas."

[Perdana Menteri]

14. PR-1522-U(27)260

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan menyemak semula garis panduan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) mengenai isi kandungan media sosial yang sensitif serta tidak sesuai dengan agama Islam dan budaya tempatan seperti kandungan yang pro-LGBT dan pro-liberalisme. Misalnya, SKMM baru-baru ini telah bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk memantau penyebaran klip-klip video sensitif yang berbaur provokasi dengan niat mencetuskan ketidakharmonian, kebencian dan prejudis. Oleh hal demikian, Kerajaan digesa supaya melakukan tindakan yang sama bagi menangani penularan isi kandungan pro-LGBT dan pro-liberalisme di media sosial. Tindakan ini adalah penting untuk memastikan martabat Islam sebagai agama rasmi negara terpelihara dan budaya tempatan dihormati."

[Menteri Komunikasi dan Digital]

15. PR-1522-U(27)261

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyediakan perancangan, peruntukan dan prasarana kepada pelajar-pelajar universiti, kolej, STPM dan SPM bagi menghadapi kaedah pembelajaran alaf baru seperti pembelajaran dalam talian dan menggunakan media elektronik. Ini bagi memboleh dan mendedahkan mereka ke alam teknologi siber dan e-pembelajaran yang semakin berkembang yang seterusnya memerlukan guru-guru yang terlatih dalam pendidikan alaf baru."

[Menteri Pendidikan]

16. PR-1522-U(27)262

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mewujudkan pusat benih padi khusus di kawasan utara khasnya di Arau, Perlis bagi membekalkan benih-benih padi yang bermutu tinggi dan mencukupi serta membolehkan penyelidikan yang agresif dibuat bagi menghasilkan benih padi baru. Pusat Benih Padi adalah penting untuk mengumpul benih padi yang lebih berdaya komersial, lebih berdaya tahan iklim (*climate resistant*) dan sesuai dengan cuaca di kawasan utara Semenanjung Malaysia. Pusat ini juga boleh berperanan menjalankan kajian di peringkat serantau dan melibatkan penyelidik daripada negara-negara jiran seperti Thailand, Indonesia, Filipina dan Myanmar yang mempunyai tanaman dan baka padi yang berdaya komersial tinggi."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

17. PR-1522-U(27)263

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan menyediakan pelan tindakan yang komprehensif untuk menangani kadar pengangguran semasa yang dijangka meningkat terutamanya di dalam kalangan graduan universiti, penduduk luar bandar dan golongan miskin bandar. Pelan tindakan ini amat diperlukan memandangkan keadaan ekonomi global juga bakal meruncing pada tahun 2023 dan kadar pelaburan asing di Malaysia akan terjejas. Dengan situasi ekonomi terkini, lambakan penganggur akan menyebabkan peningkatan jumlah golongan B40 dan B20 akibat peningkatan kos sara hidup."

[Menteri Sumber Manusia]

18. PR-1522-U(27)264

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya meneruskan usaha untuk memberi bantuan semula kepada pesawah menerusi bajet 2023. Dalam ucapan bajet 2023 yang lepas, Kerajaan mengumumkan bantuan sebanyak RM200 sebulan bagi tempoh tiga bulan kepada 240 ribu penerima yang layak. Anggaran keseluruhan perbelanjaan bantuan tersebut adalah lebih kurang RM228 juta. Justeru itu, Kerajaan digesa agar mempercepatkan saluran bantuan tersebut kepada pesawah yang memerlukan bagi menyokong pengorbanan mereka sebagai tonggak utama dalam menghasilkan makanan ruji utama rakyat Malaysia iaitu beras. Kebanyakan petani di utara Semenanjung Malaysia mempunyai kawasan sawah padi yang luas serta subur yang juga sesuai ditanam pelbagai jenis tanaman seperti kelapa sawit. Walau bagaimanapun, para pesawah ini masih meneruskan tanaman padi bagi menjamin kelangsungan makanan ruji utama negara. Oleh hal demikian, Kerajaan diharapkan dapat menghargai pengorbanan para pesawah ini."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

19. PR-1522-U(27)265

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan melaksanakan segera projek-projek tebatan banjir di seluruh negara untuk memastikan projek ini dilaksanakan secara holistik dan dapat mencari jalan penyelesaian kepada isu banjir yang semakin meruncing akibat kesan perubahan iklim dan pembangunan yang tidak mesra alam. Antara projek yang perlu dilaksanakan segera adalah seperti Projek Pembangunan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok (KESBAN) dan Sungai Kelantan. Dengan pembinaan projek tersebut, risiko banjir besar dapat dikurangkan. Di samping itu, projek tebatan banjir di Selangor khususnya di Shah Alam dan bandar Kuala Lumpur juga diharapkan dapat dilaksanakan dengan komprehensif agar dapat menangani masalah banjir kilat."

[Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim]

20. PR-1522-U(27)266

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya melaksanakan tindakan kawalan yang lebih ketat berkenaan jualan arak. Garis panduan yang khusus perlu dikaji dan diwujudkan oleh Kerajaan bagi mengawal penjualan arak yang meliputi waktu dan tempat jualan arak yang seragam dan boleh diguna pakai di seluruh negara bagi tujuan mengelakkan masalah sosial yang sering timbul seperti masalah rumah tangga dan kemalangan jalan raya. Oleh hal yang demikian, keseragaman tindakan daripada Kementerian Kewangan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah amat diperlukan sekiranya ingin melaksanakan tindakan kawalan yang lebih ketat terhadap jualan arak kerana ketika ini ketidakseragaman tindakan antara dua entiti ini menjadi antara punca kawalan jualan arak tidak dapat dilaksanakan secara efektif dan efisien."

[Menteri Kewangan]

21. PR-1522-U(27)267

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentuk satu pasukan petugas khas bagi memberi perhatian terhadap isu pencerobohan sempadan yang berlaku di Sabah dan Sarawak. Seperti di ketahui, Sabah dan Sarawak pula berkongsi sempadan darat sejauh 2,019.5km dengan Kalimantan, Indonesia. Daratan Negara Brunei Darussalam dibatasi sepenuhnya oleh Sarawak sepanjang 481.3km. Kebanyakan kawasan perbatasan Malaysia bersama negara-negara jirannya terletak di kawasan perbukitan yang diliputi hutan tebal dan kawasan perairan laut menyebabkan kawalan terhadap kawasan-kawasan ini sulit dilakukan. Oleh sebab itu, masalah pencerobohan, penyeludupan, pemerdagangan manusia dan perdagangan narkotik adalah antara isu yang saban tahun masih berlaku dan sukar ditumpaskan. Dengan siapnya Lebuhraya Sematan – Telok Melano juga baru-baru ini secara tidak langsungnya meningkatkan risiko pencerobohan sempadan sama ada melalui darat dan laut terutamanya melalui Taman Negara Tanjong Datu. Oleh hal yang demikian, tindakan segera Kerajaan bagi mencari solusi terbaik kepada masalah kawalan sempadan ini adalah amat diharapkan."

[Menteri Dalam Negeri]

22. PR-1522-U(27)246

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mencari penyelesaian untuk mengurangkan kos pengambilan pekerja asing yang kian melambung tinggi. Kebergantungan majikan tempatan terhadap pekerja asing berbanding pekerja tempatan di negara ini bukanlah perkara asing terutama dalam sektor 3D (*dirty, dangerous and difficult*).

Maka, adalah penting untuk mewujudkan satu dasar yang lebih komprehensif bagi mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing agar pekerja tempatan diberi keutamaan terlebih dahulu dengan reformasi terhadap ekosistem sektor 3D meliputi kadar gaji, faedah dan sebagainya yang berpadanan dengan risiko pekerjaan perlu diimplementasikan secara berseiringan. "

[Menteri Sumber Manusia]

23. PR-1522-U(27)247

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mewujudkan satu dasar mengutamakan sajian menu buah- buahan tempatan di semua majlis rasmi Kerajaan sebagai galakan dan sokongan kepada pemain industri buah-buahan tempatan serta ke arah membudayakan amalan pemakanan sihat.

Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan bagi membantu pengusaha buah-buahan tempatan untuk memasar serta mempromosi hasil ladang mereka dan sekali gus meningkatkan pendapatan. Maka melalui sajian menu buah-buahan di kesemua majlis rasmi Kerajaan perlu dibudayakan sepenuhnya sebagai sokongan terhadap industri buah-buahan tempatan. "

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

24. PR-1522-U(27)248

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mengutamakan penternak dan pengeluar tempatan. Sementara Kerajaan tidak mengawal harga telur import dari luar negara ke Malaysia, maka adalah adil untuk Kerajaan menghapuskan kawalan harga terhadap telur ayam kerana "unfair advantage" kepada para pengimpor telur ayam dalam saingan sedangkan penternak-perternak tempatan pula mengalami kerugian akibat kos pengeluaran yang tinggi.

Keputusan Kerajaan untuk mengimport telur ayam daripada beberapa sumber luar seperti India dan Thailand sebagai langkah jangka pendek untuk memastikan bekalan mencukupi bukanlah penyelesaian yang tuntas dan ia sebenarnya adalah suatu tindakan yang mendiskriminasi penternak dan pengeluar tempatan memandangkan Malaysia pernah diangkat sebagai pengeksport telur kelima terbesar di dunia ketika era sebelum pandemik COVID-19.

Sebagai sebuah Kerajaan yang berpaksi kukuh di atas mandat rakyat, adalah disarankan agar Kerajaan tidak membuat keputusan secara tergesa-gesa dan bersifat dangkal memandangkan penternak dan pengeluar tempatan yang menanggung implikasinya secara total serta satu mekanisme yang lebih ampuh perlu dilandaskan bagi membela nasib penternak dan pengeluar tempatan."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

25. PR-1522-U(27)249

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mengambil tindakan segera terhadap masalah dan kesukaran para penumpang menuntut balik wang yang telah dibayar kepada syarikat-syarikat penerbangan untuk tempahan tiket penerbangan akibat pembatalan penerbangan oleh syarikat penerbangan semasa pandemik dan pasca COVID-19.

Ramai penumpang menghadapi kesukaran menukar "credit shell" kepada pembayaran tiket penerbangan disebabkan pelbagai sekatan dan syarat-syarat yang dikenakan. Gejala ini semakin serius berikutan pembatalan penerbangan yang sangat kerap oleh syarikat-syarikat penerbangan serta tiada pembayaran balik secara tunai kepada penumpang.

Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) digesa untuk menyiasat perkara ini serta mengambil tindakan terhadap mana-mana syarikat penerbangan yang mengenakan syarat-syarat ketat dan tidak munasabah dalam soal "redemption of credit shell" demi melindungi kepentingan penumpang."

[Menteri Pengangkutan]

26. PR-1522-U(27)251

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan perancangan jangka masa panjang yang menyeluruh dalam memastikan dasar perolehan di peringkat Kerajaan dapat memberi manfaat kepada syarikat-syarikat tempatan sekali gus merancakkan ekonomi di peringkat domestik dengan peningkatan peluang pekerjaan, penambahan pendapatan dan peningkatan produktiviti.

Dalam membantu syarikat tempatan kekal berdaya saing dan memastikan survival mereka dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu, Kerajaan harus memainkan peranan untuk membantu mereka dan memastikan perolehan kerajaan diisi oleh syarikat-syarikat ini yang berkemampuan memenuhi kriteria yang ditetapkan. Ini termasuk sektor pengangkutan, pembuatan, kesihatan, perkilangan, perkilangan, dan semua sektor lain.

Dalam sesebuah projek Kerajaan, selain pemberian projek, ia juga akan melibatkan pembekalan komponen, barang mentah dan input yang berlainan. Kerajaan harus memastikan syarikat-syarikat tempatan mendapat manfaat di setiap lapisan perolehan yang dibuat, bersesuaian dengan kemampuan dan kualiti yang ditawarkan.

Kerajaan juga dalam masa sama perlu merangka modul yang menetapkan standard supaya syarikat-syarikat tempatan di setiap sektor dapat memastikan produk mereka menepati piawaian yang ditetapkan."

[Menteri Kewangan]

27. PR-1522-U(27)252

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan secara menyeluruh dan terperinci berkenaan perancangan Unit Perancangan Ekonomi (EPU) terhadap polisi ekonomi gig yang lebih mampan. Dalam ketidaktentuan ekonomi yang berlaku beberapa tahun ini, sektor ini telah menjadi pilihan graduan, OKU, ibu tunggal, pesara dan penganggur dalam kalangan B40 untuk menyara keluarga mereka.

Antara masalah yang mereka hadapi adalah ketiadaan polisi khusus untuk menjaga kebijakan mereka, mereka tidak mendapat faedah gaji minimum, pendapatan yang tidak konsisten bergantung kepada permintaan aplikasi dan mereka tidak diiktiraf di bawah Akta Kerja 1955, Ordinan Buruh (Sabah Bab 67) dan Ordinan Buruh (Sarawak Bab 67).

Dengan perkembangan pesat ekonomi digital kini, Kerajaan seharusnya merancang dan mengiktiraf pekerja dalam sektor ini yang menjadi salah satu penyumbang kepada ekonomi negara, dalam masa sama menjaga kebajikan mereka dengan mengimbangi perkembangan daya saing mereka dalam pelbagai bidang."

[Menteri Ekonomi]

28. PR-1522-U(27)253

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk mewujudkan sebuah model, kaedah dan pendekatan patuh syariah yang memudahkan rakyat terkesan seperti kemiskinan situasi, bencana alam, kejutan ekonomi merudum dan sebagainya mendapatkan bantuan kewangan melalui pinjaman tanpa/rendah faedah bagi memastikan mereka dapat memastikan kelangsungan kehidupan keluarga terjamin dalam situasi pertumbuhan ekonomi yang agak perlahan.

Keadaan semasa mereka yang menghadapi kesulitan hidup memilih jalan pintas untuk keluar dari kemelut tanpa memikirkan kesan jangka panjang yang akhirnya akan menimbulkan keretakan struktur sosial negara yang pasti menjelaskan pembentukan generasi mendatang serta keutuhan institusi keluarga.

Kerajaan perlu mengatasi perkara ini segera kerana ia akan memberi kesan langsung kepada bakat negara dan penentuan peningkatan produktiviti."

[Menteri Kewangan]

29. PR-1522-U(27)250

Dato' Verdon bin Bahanda [Kudat] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini mengesah Kerajaan mengkaji persempadanan semula kawasan pilihan raya di Sabah dan Sarawak melalui tambahan jumlah kerusi Parliment di wilayah Sabah dan Sarawak untuk mencukupkan jumlah 35% kerusi dari wilayah Sabah dan Sarawak atau sekurang-kurangnya 7 kerusi bagi wilayah Sabah. Melalui usul ini, saya mengusul agar Parliment Kudat dengan keluasan 2300 kilometer persegi di mana terdapat 2 daerah penuh dan 1 daerah kecil dengan kedudukan geografi yang terpisah dapat dibahagi kepada dua kawasan Parliment."

[Perdana Menteri]

30. PR-1522-U(27)268

Dr. Mohammed Taufiq bin Johari [Sungai Petani] akan mencadangkan :

"Bahawasanya Dewan yang mulia ini meluluskan satu ketetapan supaya konsep MADANI yang berteraskan kemampunan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan menjadi gagasan pentadbiran negara."

[Perdana Menteri]

31. PR-1522-U(27)269

Tuan Tan Hong Pin [Bakri] akan mencadangkan :

" Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mengkaji semula struktur tempoh latihan industri dalam kurikulum pengajian tinggi, sebagai satu langkah proaktif untuk menangani isu pengangguran graduan universiti yang semakin membimbangkan. Isu ini seringkali timbul kerana ketidaksesuaian antara kemahiran atau pengetahuan yang dipelajari di universiti dengan keperluan dunia pekerjaan.

Salah satu cara yang dicadangkan adalah mengubah tempoh latihan industri sebahagian kursus yang sedia ada selama enam bulan kepada tiga tempoh dua bulan yang berasingan dan ia akan dijalankan pada tahun kedua, ketiga dan keempat pengajian. Langkah ini akan membolehkan pelajar memperoleh kemahiran dan pengetahuan secara berperingkat, memastikan peralihan yang lebih lancar ke dunia pekerjaan, dan juga memudahkan pihak universiti untuk menerima maklum balas daripada majikan mengenai keberkesanan silibus kursus pengajian yang diterapkan. Dengan adanya pembaharuan struktur latihan industri ini, graduan yang lebih berpotensi dan berkemahiran akan dihasilkan, serta lebih bersedia untuk memasuki dunia pekerjaan.

Kita perlu mengambil tindakan segera untuk memastikan graduan kita lebih bersedia dan berdaya saing untuk memasuki pasaran pekerjaan, dan dengan itu mengurangkan kadar pengangguran di kalangan graduan."

[Menteri Pendidikan Tinggi]

32. PR-1522-U(27)270

Tuan Tan Hong Pin [Bakri] akan mencadangkan :

" Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mempertimbangkan penubuhan hotline 24 jam, yang dikelola dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar, Bomba, SWCORP, khususnya untuk mengatasi isu pembakaran terbuka di kawasan perumahan. Penguatkuasaan yang efektif amat penting untuk mengelakan palaku terus melakukan kesalahan pembakaran terbuka yang akan merosakkan alam sekitar dan menyebabkan kesihatan orang awam terjejas. Oleh itu, prosedur untuk melaporkan dan mengambil tindakan perlu dipermudahkan. Pengadu hanya perlu menghantar bukti seperti rakaman gambar atau video, masa dan tarikh kejadian, serta maklumat lain seperti no plat kenderaan atau alamat tempat tinggal (jika ada) melaui hotline tersebut. Dengan bukti tersebut, saman boleh dikeluarkan dengan serta -merta kepada pesalah.

Proses ini seharusnya dijalankan dengan cara yang serupa dengan proses saman trafik, dengan melibatkan bukti visual daripada kejadian tersebut. Sebarang bantahan terhadap saman boleh dibawa kepada SWCORP dan kes juga boleh dibicarakan dalam mahkamah.

Tindakan yang tegas dan berkesan perlu diambil terhadap mereka yang melakukan pembakaran terbuka demi kesejahteraan alam sekitar kita."

[Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2023</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
CMD. 28	Kertas Putih Pengurusan Perolehan Vaksin COVID-19	6 Jun 2023
ST. 100	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara Bagi Tahun 2021	6 Jun 2023
ST. 120	AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993 DAN AKTA KASTAM 1967 Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) (Pelanjutan) 2023 P.U. (A) 33/2023 diwartakan pada 07 Februari 2023	6 Jun 2023
ST. 121	AKTA KASTAM 1967 Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Di Bawah Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Antara Kerajaan Negara-Negara Anggota ASEAN dan Jepun) (Pindaan) 2023 P.U. (A) 52/2023 diwartakan pada 28 Februari 2023	6 Jun 2023
ST. 124	AKTA KASTAM 1967 Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negara-Negara ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN Dan Perjanjian Perdagangan Barang ASEAN) (Pindaan) (No.2) 2023 P.U. (A) 92/2023 diwartakan pada 31 Mac 2023	6 Jun 2023
ST. 125	AKTA EKSAIS 1976 Perintah Duti Eksais (Langkawi) (Pindaan) 2023 P.U. (A) 96/2023 diwartakan pada 31 Mac 2023	6 Jun 2023
ST. 126	AKTA EKSAIS 1976 Perintah Duti Eksais (Pindaan) 2023 P.U. (A) 98/2023 diwartakan pada 31 Mac 2023	6 Jun 2023
ST. 127	AKTA EKSAIS 1976 Perintah Duti Eksais (Tioman) (Pindaan) 2023 P.U. (A) 99/2023 diwartakan pada 31 Mac 2023	6 Jun 2023
ST. 128	AKTA CUKAI JUALAN 2018 Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai) (Pindaan) 2023 P.U. (A) 102/2023 diwartakan pada 31 Mac 2023	6 Jun 2023
ST. 129	AKTA EKSAIS 1976 Perintah Duti Eksais (Labuan) (Pindaan) 2023 P.U (A) 104/2023 diwartakan pada 31 Mac 2023	6 Jun 2023

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2023</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST. 130	AKTA EKSAIS 1976 Perintah Duti Eksais (Pangkor) (Pindaan) 2023 P.U (A) 105/2023 diwartakan pada 31 Mac 2023	6 Jun 2023
ST. 131	AKTA CUKAI JUALAN 2018 Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan daripada Pembayaran Cukai) (Pindaan) 2023 P.U. (A) 106/2023 diwartakan pada 31 Mac 2023	6 Jun 2023
ST. 132	AKTA CUKAI JUALAN 2018 Perintah Cukai Jualan (Barang Yang Dikecualikan daripada Cukai) (Pindaan) 2023 P.U. (A) 109/2023 diwartakan pada 4 April 2023	6 Jun 2023
ST. 133	AKTA KASTAM 1967 Perintah Duti Kastam (Pindaan) 2023 P.U. (A) 136/2023 diwartakan pada 28 April 2023	6 Jun 2023
ST. 134	AKTA EKSAIS 1976 Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.2) 2023 P.U (A) 137/2023 diwartakan pada 28 April 2023	6 Jun 2023
ST. 135	AKTA KASTAM 1967 Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal dari Negara-Negara ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Perjanjian Perdagangan Barang ASEAN) (Pindaan) (No.3) 2023 P.U. (A) 138/2023 diwartakan pada 28 April 2023	6 Jun 2023
ST. 136	AKTA KASTAM 1967 Perintah Duti Kastam (Barang-Barang di bawah Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik) (Pindaan) 2023 P.U. (A) 139/2023 diwartakan pada 28 April 2023	6 Jun 2023
ST. 137	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Bagi Tahun 2021	6 Jun 2023

****UCAPAN-UCAPAN**
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 06.06.2023 (Selasa)	1. YB Tuan Oscar Ling Chai Yew (Sibu)	1. Masalah Kekurangan Pengawai di JPJ UTC Sibu dan Sistem MySikap	1. YB Menteri Pengangkutan
2. 06.06.2023 (Selasa)	2. YB Tuan Oscar Ling Chai Yew (Sibu)	2. Masalah Jalan Lapangan Terbang Sibu	2. YB Menteri Kerja Raya
3. 06.06.2023 (Selasa)	3. YB Tuan Jamaludin bin Yahya (Pasir Salak)	3. Naik Taraf Jalan FT109	3. YB Menteri Kerja Raya
4. 06.06.2023 (Selasa)	4. YB Tuan Jamaludin bin Yahya (Pasir Salak)	4. Naik Taraf Klinik Kesihatan Kampung Gajah	4. YB Menteri Kesihatan

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**